

Kes denggi meningkat, rakyat perlu berwaspada

KUALA LUMPUR - Orang ramai perlu sentiasa peka dan mengambil tindakan sewajarnya dalam memerangi wabak denggi berikutan peningkatan mendadak kes berkenaan dalam tempoh terdekat ini, kata Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai.

Beliau berkata, berdasarkan statistik terkini, sejumlah 4,221 kes denggi dengan 12 kematian dilaporkan bagi tempoh 1 hingga 23 Januari lepas.

"Statistik ini meningkat hampir dua kali ganda berbanding 2,153 kes dengan lima kematian yang dicatatkan bagi tempoh sama tahun lepas," katanya.

Menurutnya, majoriti kes berlaku di Lembah Klang dengan Kuala Lumpur yang mencatatkan sejumlah 409 kes dengan dua kematian dalam tempoh itu berbanding 270 kes bagi tempoh sama tahun lepas.

"Dengan ini saya menyeru orang ramai supaya memberi kerjasama kepada Kementerian Kesihatan untuk membasmi kes denggi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ang-

S.H 23/01/09 M156
pau kepada penghuni Lembah Harapan di Pusat Kawalan Kusta Negara di sini, semalam.

Menurutnya, kes denggi di beberapa negeri turut mencatatkan peningkatan mendadak dengan sejumlah 245 kes dilaporkan di Pulau Pinang berbanding 100 kes bagi tempoh sama tahun lepas dan Kedah merekodkan sejumlah 128 kes berbanding 65 kes pada 2008.

Bagi kes Chikungunya pula, katanya, sebanyak 458 kes dilaporkan bagi tempoh yang sama dengan kes tertinggi direkodkan di Selangor (109) diikuti Perak (96) dan Kelantan (85).

Dalam perkembangan lain, Liow menegaskan semua produk mentega kacang dan pes kacang tanah yang diimport dari Amerika Syarikat (AS) akan melalui pemeriksaan ketat di semua pintu masuk negara.

Beliau berkata, kementerian mengadakan pemeriksaan tahap lima (tahan, uji dan lepas) ke atas produk kacang tanah dari AS melalui Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia.

Cable News Network (CNN) pada Selasa lepas melaporkan mengenai pencemaran Salmonella Typhimurium dalam mentega dan pes kacang tanah keluaran syarikat Peanut Corporation of America, AS.

Salmonella Typhimurium adalah sejenis bakteria yang boleh menyebabkan jangkitan serius dan membawa maut terutama dalam kalangan kanak-kanak dan warga tua serta individu yang mempunyai sistem imuniti rendah.

Sehingga kini, hampir 500 orang dijangkiti virus bakteria itu di AS yang juga dipercayai menjadi punca kematian enam warga negara berkenaan.

-- BERNAMA

"Statistik ini meningkat hampir dua kali ganda berbanding 2,153 kes dengan lima kematian yang dicatatkan bagi tempoh sama tahun lepas."

Liow Tiong Lai